



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
7 Februari 2023**

PNB SUMBANG 1,000 KOMPUTER KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR DAN KELANTAN

Sumbangan komputer akan memanfaatkan lebih 50,000 pelajar

Selaras dengan aspirasi Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk membangunkan komuniti serta meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara menerusi agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), syarikat dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Kelantan telah menyampaikan sumbangan 1,000 buah komputer terpakai kepada sekolah-sekolah di negeri Selangor dan Kelantan. Sumbangan yang akan memanfaatkan lebih 50,000 pelajar di Selangor dan Kelantan ini sejajar dengan komitmen kelestarian PNB #7; mengimbangi keuntungan dan pelaburan sosial, terutamanya komitmen syarikat untuk menaja pendidikan, peningkatan komuniti, literasi kewangan dan inisiatif perkongsian pengetahuan.

Di Selangor, PNB telah menyerahkan komputer kepada 30 sekolah terpilih yang terdiri daripada 23 sekolah rendah dan 7 sekolah menengah di Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor, dan Sabak Bernam. Manakala di Kelantan melibatkan 33 sekolah yang terdiri daripada 6 sekolah rendah dan 27 sekolah menengah di Gua Musang, Kuala Krai, Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, dan Pasir Puteh.

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Encik Mohd. Hassany bin Hashim merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada PNB atas sumbangan 10 komputer terpakai berjumlah 400 unit kepada 33 buah sekolah di negeri Kelantan.

Beliau berkata, "Semua 10 komputer yang disumbangkan telah pun diterima dan berfungsi dengan baik selepas diuji. Sumbangan 10 komputer tersebut pastinya dapat menampung keperluan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di bilik darjah serta membantu dan memudahkan murid-murid melaksanakan kerja kursus terutama bagi mata pelajaran di bawah bidang teknologi maklumat

dan komunikasi. Ia juga memudahkan murid-murid melaksanakan aktiviti projek berkaitan inovasi dan robotik sekolah”.

PNB berharap sumbangan ini akan memberikan akses kepada anak-anak untuk pendidikan yang berkualiti, meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka serta menyemai budaya celik digital.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad